

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY**  
**[ KAPAR ]**

**Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [ Kapar ] minta MENTERI PERDAGANGAN  
DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan :-**

- (a) Apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh Kementerian dalam membendung penyeludupan barang-barang tiruan ke dalam pasaran negara ini. Apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh Kementerian dalam membendung barang-barang tiruan yang di proses di dalam Malaysia; dan
- (b) Apakah langkah-langkah Kementerian untuk memasti dan meningkatkan kesedaran masyarakat untuk tidak terpedaya dan membeli barang-barang tiruan.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

- a) Kementerian sentiasa berusaha dan memberi perhatian serius bagi memastikan barang-barang tiruan tidak dijual secara berleluasa di pasaran. Tindakan ini tidak akan berjaya di laksanakan tanpa kerjasama daripada agensi penguatkuasaan yang lain termasuk pihak Kastam Diraja Malaysia (KDRM) yang mengawalselia kemasukan dari luar negara, melalui sempadan, barang-barang larangan dan barang-barang tiruan.

Menyedari perkara ini KPDNKK telah mengambil langkah-langkah proaktif dan reaktif termasuk :

- i. Menubuhkan **Pasukan Petugas Khas Membanteras barang Tiruan** dengan menyelaras tindakan bersepadu bersama pihak industri dan agensi Kerajaan lain berasaskan bidang kuasa undang-undang masing-masing;
- ii. **Penguatkuasaan sempadan** dengan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (KDRM) dan lain-lain agensi penguatkuasaan sempadan dalam menangani kemasukan barang-barang tiruan ke negara ini;
- iii. Melaksanakan tindakan **penguatkuasaan secara proaktif** dengan lebih kerap membuat serbuan ke kawasan yang telah dikenal pasti bergiat aktif berkaitan pengedaran barang-barang tiruan;
- iv. Menjalankan **operasi bersepadu** bersama pihak berkuasa lain seperti Kastam Diraja Malaysia (KDRM), Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen, Jabatan Hasil Dalam Negeri dan kerajaan tempatan untuk menangani pengedaran barang-barang tiruan dalam pasaran; dan
- v. **Melakukan risikan** ke tempat-tempat yang disyaki sebagai tempat penyimpanan barang-barang tiruan dan hasil laporan risikan akan membantu dalam merancang tindakan operasi seterusnya.

Antara usaha-usaha yang dilakukan oleh KPDNKK untuk membendung pengedaran barang-barang tiruan yang diproses di dalam negara ini termasuk :

- i. Menjalankan **tindakan proaktif** ke atas sasaran atau *target* yang telah dikenalpasti sebagai tempat memproses atau mengeluarkan produk tiruan dengan kerjasama pihak pengadu yang terdiri daripada wakil pemilik cap dagangan berdaftar; dan
  - ii. KPDNKK mengadakan bekerjasama dengan **tuan punya cap dagangan berdaftar** supaya maklumat yang tepat dan terkini diperolehi bagi mengesan aktiviti pembuatan dan pemprosesan barang-barang tiruan di dalam Negara. Dengan adanya maklumat yang tepat dan jelas akan memudahkan proses perancangan bagi menjalankan tindakan penguatkuasaan.
- b) Kementerian sentiasa melaksanakan program pendidikan kepada pengguna melalui program-program kepenggunaan yang dijalankan di seluruh negara dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran masyarakat agar tidak terpedaya dengan penipuan dan penyelewengan berkaitan barang-barang tiruan yang akhirnya merugikan pengguna.

Kementerian turut **menyediakan pelbagai kemudahan saluran aduan** bagi memudahkan pengguna mengemukakan aduan seperti berikut;

- a) Portal e-Aduan KPDNKK;
- b) Talian Hotline 1-800-886-800;
- c) SMS ke 15888;
- d) Emel di alamat [e-aduan@kpdnkk.gov.my](mailto:e-aduan@kpdnkk.gov.my);
- e) Aplikasi Telefon Pintar – Ez ADU KPDNKK;
- f) Media sosial melalui *Twitter* dan *Facebook* KPDNKK;
- g) Mobile Unit; dan
- h) Lapor atau hadir sendiri ke mana-mana pejabat /cawangan KPDNKK yang berhampiran.